

D.R. 23/2014

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 3(1)—

(*a*) dalam perenggan (*a*), dengan menggantikan perkataan “empat ribu satu ratus dua belas ringgit dan tujuh puluh sembilan sen” dengan perkataan “tujuh ribu ringgit”; dan

- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “enam ribu lima ratus lapan ringgit dan lima puluh sembilan sen” dengan perkataan “sebelas ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) dan (b), dengan menggantikan perkataan “empat belas ribu sembilan ratus tujuh ringgit dan dua puluh sen” dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”; dan
- (b) dalam perenggan (c) dan (d), dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu lapan ratus empat puluh tujuh ringgit dan enam puluh lima sen” dengan perkataan “enam belas ribu ringgit”.

Pembayaran gaji dan elaun walau apa pun seksyen 7

4. Walau apa pun seksyen 7 Akta ibu, gaji dan elaun bulanan yang dinyatakan dalam pindaan kepada seksyen 3 dan 4 Akta ibu dalam seksyen 2 dan 3 Akta ini, dan yang kena dibayar, hendaklah bermula dari 1 Januari 2015 atau dari tarikh pelantikan atau pemilihan, mengikut mana-mana yang terkemudian, Ahli Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (“Akta 237”).

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 237 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan elaun bulanan Ahli Parlimen.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 237 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan gaji bulanan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan yang disebut dalam *fasal 2* dan *3* menjadi kena dibayar kepada orang yang dinyatakan dalam *fasal-fasal* itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya dianggarkan sebanyak RM14,751,981.36 setahun.

[PN(U2)2760]

D.R. 23/2014

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2014

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. Fasal 1

Subfasal 1(2) Rang Undang-Undang ini dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Akta ini" perkataan "disifatkan telah".

2. Fasal 2

Fasal 2 Rang Undang-Undang ini dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "tujuh ribu ringgit" dengan perkataan "sebelas ribu ringgit"; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "sebelas ribu ringgit" dengan perkataan "enam belas ribu ringgit".

3. Fasal 3

Fasal 3 Rang Undang-Undang ini dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit" dengan perkataan "tiga puluh satu ribu ringgit"; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "enam belas ribu ringgit" dengan perkataan "dua puluh dua ribu ringgit".

4. Huraian

Implikasi Kewangan di bawah Huraian dipinda dengan menggantikan perkataan "RM14,751,981.36" dengan perkataan "RM31,971,981.36".

HURAIAN

1. Perenggan 1 bertujuan untuk meminda *subfasal 1(2)* Rang Undang-Undang ini untuk mengadakan peruntukan kuat kuasa ke belakang bagi Rang Undang-Undang ini.
2. Perenggan 2 bertujuan untuk meminda *fasal 2* Rang Undang-Undang ini untuk menambah kenaikan elaun bulanan Ahli Parlimen.
3. Perenggan 3 bertujuan untuk meminda *fasal 3* Rang Undang-Undang ini untuk menambah kenaikan gaji bulanan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
4. Perenggan 4 bertujuan untuk meminda *Implikasi Kewangan* dalam Huraian untuk menambah anggaran amaun perbelanjaan wang tambahan oleh Kerajaan.